



PANDUAN PERMOHONAN PEPERIKSAAN AKHIR GANTIAN PROGRAM SEPARUH MASA PACE (UUM) UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TUGAS PELAJAR YANG TIDAK DAPAT MENDUDUKI PEPERIKSAAN

Pelajar yang tidak dapat mengambil peperiksaan mana-mana kursus yang didaftarkanya hendaklah mengemukakan Permohonan Peperiksaan Akhir Gantian dengan mengisi [borang permohonan peperiksaan gantian](#) dengan lengkap iaitu memberi sebab kegagalan menghadiri peperiksaan (secara bertulis kepada Pengarah PACE) serta disokong oleh dokumen-dokumen yang sah, sebelum atau dalam masa tujuh (7) hari selepas peperiksaan kursus berkenaan dijalankan.

Kegagalan untuk berbuat demikian tanpa sebarang alasan yang munasabah boleh menyebabkan kursus tersebut diberikan gred 'F'.

Pelajar yang gagal menghadiri peperiksaan **tanpa sebab yang dapat diterima** oleh Jawatankuasa Pemeriksa Universiti ataupun **tanpa kelulusan Jawatankuasa terlebih dahulu** akan dianggap gagal.

PERMOHONAN PEPERIKSAAN GANTIAN SEBELUM PEPERIKSAAN

Pelajar MESTI mengisi dan mengemukakan borang permohonan Peperiksaan Akhir Gantian beserta dokumen sokongan selwatnya **DUA MINGGU SEBELUM** bermulanya tarikh peperiksaan akhir untuk PERTIMBANGAN bagi kes-kes yang telah dirancang atau telah diketahui bertindih dengan tarikh peperiksaan akhir seperti berikut :-

- i. TUGAS RASMI - permohonan akan dipertimbangkan sekiranya tarikh peperiksaan sama dengan tarikh tugas rasmi.
- ii. PERKAHWINAN - permohonan akan dipertimbangkan sekiranya tarikh peperiksaan sama dengan tarikh perkahwinan.
- iii. MENGERJAKAN UMRAH/HAJI
- iv. MENGHADIRI KES – KES MAHKAMAH
- v. LAIN-LAIN YANG PENTING/MUNASABAH

PERMOHONAN PEPERIKSAAN GANTIAN SELEPAS PEPERIKSAAN (KES KECEMASAN)

Pelajar MESTI mengisi dan mengemukakan borang permohonan Peperiksaan Akhir Gantian beserta dokumen sokongan dalam masa **DUA MINGGU** dari tarikh akhir peperiksaan untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemeriksa Universiti bagi kes-kes kecemasan seperti berikut:-

- i) SAKIT - permohonan akan dipertimbangkan sekiranya tarikh peperiksaan sama dengan tarikh sijil cuti sakit

ii) BERSALIN

iii) KEMATIAN - Hanya diberikan tiga (3) hari sahaja tempoh pelepasan bagi semua kaum.

iv) KEMALANGAN

PERINGATAN KEPADA PELAJAR

- ❖ Pelajar diingatkan bahawa permohonan akan DIPERTIMBANGKAN, dan TIDAK SEMESTINYA LULUS.
- ❖ Gred F (gagal tidak bertebus) akan diberikan kepada pelajar yang tidak hadir peperiksaan akhir gantian.
- ❖ Pembatalan Peraturan Peperiksaan Gantian Program PJJUUM bagi Permohonan Peperiksaan Gantian bagi kali kedua telah berkuatkuasa mulai 23 Jun 2020.
- ❖ Permohonan Peperiksaan Akhir Gantian adalah bagi kursus yang mempunyai Peperiksaan Akhir sahaja.
- ❖ Permohonan selepas tarikh akhir permohonan tidak diterima.

Sekian untuk makluman.

Unit Peperiksaan
Pusat Pendidikan Profesional & Lanjutan (PACE)
Universiti Utara Malaysia